

04 JUN 1999

MALAYSIA TIDAK TERLIBAT PEMBEKALAN SENJATA KE ACHEH, KATA PM

SEPANG, 4 Jun (Bernama) -- Malaysia tidak ada kaitan dengan pembekalan senjata kepada Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang menjalankan kegiatan menentang kerajaan Indonesia di Aceh, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak ada kena mengena dengan mereka dan kita tak suka nak campur dengan urusan rumah tangga orang," katanya kepada pemberita sekembali dari lawatan tujuh hari ke Jepun.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar hari ini yang memetik Menteri Penerangan Indonesia, Muhammad Yunus sebagai berkatar GAM menerima senjata automatik jenis AK-47 dan M-16 dari Malaysia dan Thailand.

Muhammad memberitahu akhbar The Observer bahawa dari maklumat yang diterima, GAM menerima 800 senjata api dari Malaysia dan Thailand untuk menjalankan kegiatan mereka di wilayah itu.

Menurutnya GAM, yang dianggotai kira-kira 1,000 orang, menjalankan kegiatan mereka di seluruh Aceh, terutama di Pidei, Aceh Utara dan Aceh Timur.

--BERNAMA
MGM AR NAK